

BAB 1

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Al-Quran ialah kalam Allah Taala yang terulung dan mukjizat yang terunggul bagi Rasulullah s.a.w. Ia telah memberi kekuatan kepada bahasa Arab sehingga dijadikan bahan rujukan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran para ilmuan. Usaha memahami dan mentafsirkan al-Quran tidak sempurna tanpa menguasai bahasa Arab. Ini menunjukkan bahawa al-Quran dan bahasa Arab adalah satu sinonim yang tidak boleh dipisahkan.

Bangsa Arab pada zaman jahiliyah hidup dengan menyembah patung-patung dan batu-batu berhala. Mereka pada umumnya tenggelam dalam kemusyrikan dan kehidupan yang berpecah belah serta saling bermusuhan sesama puak atau kaum.

Walaupun begitu, mereka terkenal dengan ketinggian bahasa serta keunggulan budaya dan sastera yang dipersembahkan di pasar-pasar Sastera Arab seperti di Pasar 'Ukāz dalam upacara tahunan dengan begitu meriah.

Ketinggian dan kefasihan bahasa yang mereka miliki itu adalah antara hikmah Allah Taala memilih bahasa umat Arab yang ummi ini sebagai bahasa al-Quran, di samping pembawa risalah al-Quran, iaitu nabi kita Muhammad s.a.w sendiri juga berbangsa Arab.

Datangnya agama Islam yang membawa undang-undang Allah, iaitu al-Quran yang berbahasa Arab telah mengatur kehidupan bangsa Arab dalam hubungan sesama individu mahupun dalam kepercayaan aqidah mereka. Kitab suci al-Quran ini benar-benar telah menghidupkan jiwa bangsa Arab dan penurunan al-Quran telah merubah gaya hidup serta budaya orang Arab. Masyarakat Arab telah mengalami perubahan yang pesat dalam semua bidang kehidupan ekonomi, sosial termasuk bahasa dan kesusasteraan, serta politik mereka.

Terdapat perubahan bahasa yang ketara selepas itu dengan pertukaran bahasa Arab yang kasar menjadi bahasa yang lembut. Laras bahasa turut berubah, tatabahasanya juga bertertib dan semakin mantap. Dengan demikian, bangsa Arab telah mencapai kebudayaan dan peradaban yang tinggi. Semua yang berlaku adalah kesan daripada pengaruh al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab.

1.1 Penyataan Masalah

Bahasa Arab ialah bahasa yang unik sehingga dinobatkan sebagai bahasa al-Quran. Antara keunikannya ialah bahasa Arab kaya dengan perbahasan-perbahasan dalam bidang semantik yang kadang kala tidak terjangkau oleh akal fikiran manusia. Ekoran daripada permasalahan ini, penulis cuba menyelami ayat-ayat al-Quran dari aspek semantik yang turut dikesan dalam bahasa Arab itu sendiri.

Persoalan maksud yang tersirat dalam ayat al-Quran adalah satu fenomena semantik ayat yang turut menjadi perbincangan segelintir para pengkaji ilmu. Bertitik tolak dari

keinginan untuk memahami maksud yang tersirat ini, telah mencungkil hasrat hati penulis untuk terus meneliti dan mengkaji alasan di sebalik ayat yang telah diturunkan Allah Taala kepada Pesuruh-Nya Nabi Muhammad s.a.w.

Penulis memilih sudut semantik Kata Kerja Māḍi (kata kerja kala lepas) dan Kata Kerja Muḍāri' (kata kerja kala kini) kerana ketika membaca dan cuba memahami maksud ayat al-Quran, penulis dapati bahawa Allah Taala telah berfirman dengan menggunakan Kata Kerja Māḍi sedangkan sesuatu perkara tersebut belum lagi berlaku melalui pemahaman ayat tersebut. Begitu juga dengan penggunaan Kata Kerja Muḍāri' dalam ayat al-Quran, sedangkan perkara tersebut telah pun berlaku. Di sini penulis cuba melihat dari sudut semantik ayat dan menyentuh sedikit dari aspek sintaksis pada ayat tertentu untuk mencari jawapan kepada persoalan mengenai rahsia-rahsia yang tersirat di sebalik penggunaan-penggunaan tersebut.

Jika diteliti persoalan bahasa, iaitu penggunaan kata kerja ini, secara tidak langsung ia berkait rapat dengan pemahaman ayat al-Quran, di samping melihat kepada semantik ayat di sebaliknya. Sebagai contoh dalam surah Āl-Imrān, ayat 110 Allah Taala berfirman:

{ كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ }

Maksudnya: Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia...

Kata kerja māḍi yang digunakan di dalam ayat ini iaitu (كَان) di dalam kalimah (كُنْتُمْ) adalah ditujukan kepada umat nabi Muhammad s.a.w pada ketika ayat ini diturunkan. Persoalannya, bagaimana dengan umat nabi Muhammad s.a.w yang kekal hingga ke

hari ini, sedangkan ayat al-Quran itu sememangnya praktikal digunakan di sepanjang masa dan zaman? Justeru itu, ulama' tafsir menyatakan bahawa kalimah ini juga membawa maksud untuk umat yang akan datang, iaitu umat baginda s.a.w sehingga kini.

Sesungguhnya persoalan-persoalan sebeginilah yang mendorong penulis untuk memerhati, mengkaji serta menganalisis fenomena yang berlaku kerana bagi golongan yang memahami maksud ayat al-Quran dan kisah-kisah di sebaliknya pasti terfikir mengapa dan apakah alasan di sebalik turunnya ayat yang sedemikian. Justeru itu, penulis cuba mengorak langkah memberi kupasan tentang isu ini dan dengan ini terhasillah laporan penyelidikan yang serba sederhana di bawah tajuk “ Penggunaan Kata Kerja *Mādi* Dan *Mudāri*’ Dalam Al Quran al-Karim: Satu Analisis Dalam Surah *Āl ‘Imrān*”

1.2 Tinjauan Kajian Berkaitan

Penyelidikan tentang semantik ayat al-Quran yang melibatkan kata kerja di dalam bahasa Arab belum lagi meluas dikaji di kalangan para sarjana dan cendekiawan di Malaysia. Boleh dikatakan ia merupakan satu kajian yang agak baru bagi Ijazah Sarjana Bahasa Moden di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Jika terdapat kajian sebelum ini mungkin tidak menjurus kepada kata kerja *madi* dan *mudari*. Oleh sebab itu, laporan penyelidikan ini cuba membahaskan permasalahan yang mungkin juga timbul di benak fikiran para pengkaji al-Quran khususnya

mahupun para pembaca amnya, dan sekaligus penulis memilih untuk melihat kepada kata kerja dalam surah *Āl-Imrān* ini.

Sepanjang pengetahuan penulis, masih belum terdapat satu kajian atau penulisan disertasi secara terperinci yang membicarakan permasalahan ini. Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian yang lebih umum yang telah dikaji oleh saudara Munif Zariruddin Fikri bin Nordin dalam penulisan peringkat sarjananya pada tahun 1996, iaitu *Sistem Kala Kata Kerja Bahasa Arab* yang memaparkan satu huraian mengenai hubungan sistem kala dan kata kerja dalam sintaksis bahasa Arab. Beliau menyentuh bidang retorik yang memainkan peranan yang penting dalam hubungan sistem kala dan kata kerja pada peringkat konteks ayat yang menentukan penetapan dan perubahan kala. Beliau juga menerangkan kala pen tetap dan kala pengubah bagi setiap kata kerja dalam bahasa Arab.

1.3 Objektif Kajian

Tajuk laporan kajian ini dipilih berdasarkan objektif-objektif yang berikut:

- Memahami al-Quran

Setiap muslim harus menjadikan al-Quran sebagai perlembagaan hidupnya walaupun secara sedar atau tidak. Justeru itu, mereka dipertanggungjawabkan membaca, memahami dan menghayati maksud ayat al-Quran yang dibaca. Bagi mereka yang memahami dan mengerti maksud ayat-ayat al-Quran, disunatkan membaca dengan penuh perhatian dan memikirkan tentang ayat-ayat yang dibaca serta menghayati maksudnya. Hatinya turut serta memikir erti dan maksud yang

terkandung dalam ayat-ayat yang dibaca serta mendalami isi kandungan al-Quran tersebut. Setiap muslim harus mencuba untuk menobatkan al-Quran sebagai panduan hidup terunggul yang datang daripada Allah Taala sesuai dengan firman-Nya dalam surah al-Nisā' ayat 82;

{ أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا }

Maksudnya: Maka apakah mereka tidak mahu memikirkan isi kandungan al-Quran? Kalau kiranya al-Quran itu bukan dari sisi Allah, tentulah mereka mendapat pertentangan yang banyak di dalamnya.

Justeru itu, kajian ini secara tidak langsung dapat membantu pembaca atau pengkaji khususnya untuk lebih memahami al-Quran kerana pemahaman ayat al-Quran perlu juga melihat kepada maksud ayat yang tersirat, di samping erti ayat yang telah ditafsirkan dalam tafsir al-Quran.

- Menyerlahkan kehebatan dan kesempurnaan al-Quran

Memang tidak dinafikan al-Quran ialah kalam Allah Taala yang mempunyai ciri-ciri kehebatan dan keunikannya yang tersendiri. Mukjizatnya terletak pada fasahah dan balaghahnya, keindahan susunan dan gaya bahasanya serta isinya yang tidak ada tara bandingannya. Mustahil manusia dapat membuat susunan yang serupa dengan al-Quran seperti firman Allah dalam surah al-Isrā', ayat 88;

{ قُلْ لَنْ أَجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَى أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ }

Maksudnya: Katakanlah, sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa al-Quran ini, nescaya mereka tidak akan dapat membuat yang serupa dengannya...

Menyedari hakikat ini, sewajarnya kajian demi kajian harus dijalankan untuk santapan para ilmuan mahupun masyarakat sejagat untuk menyerlahkan keindahan dan keunikan kalam Allah Taala ini. Kemukjizatannya serta keistimewaannya dapat dirasai dan mampu menundukkan hati-hati yang degil supaya mereka menyerah diri dan patuh pada perintah Allah Taala dan segala larangan-Nya.

Oleh itu, penulis cuba menyerlahkan keunikan kalam Allah melalui kajian ini kerana bagi pengkaji yang benar-benar memahami dan menghayati maksud ayat dengan lebih mendalam akan dapat melihat kehebatan mukjizat kitab al-Quran dan keunikannya.

- Menyerlahkan keunikan uslub al-Quran menerusi fahaman semantik ayat

Bagi mencapai tujuan ini perlu kepada kajian yang terperinci untuk menyerlahkan keunikan uslub al-Quran kerana untuk memahami semantik ayat al-Quran bukannya satu perkara yang mudah. Oleh sebab itu, melalui laporan ini para pengkaji khususnya dapat melihat keunikan uslub al-Quran dengan penggunaan kata kerja *māḍi* dan *muḍāri'* di sebalik semantik ayat al-Quran tersebut serta analogi retorik yang terkandung dalam sesuatu konteks ayat. Sekaligus ini dapat mengangkat martabatnya sebagai aset hujah yang utama dalam syariat Islam.

- Mendalami kitab-kitab nahu dan tafsir dahulu dan sekarang.

Melalui laporan penyelidikan ini juga, penulis telah merujuk kitab-kitab nahu dan tafsir. Di sini dapat dilihat bahawa, usaha dan peranan kitab-kitab tersebut penting dalam meneliti ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan kajian dan mengupas persoalan-persoalan tersebut dari sudut sebab-sebab ayat diturunkan dan kisah di sebalik penurunan ayat.

- Akhir sekali objektif kajian ini diharapkan dapat menjadi kesinambungan para pengkaji yang akan datang supaya dapat membuat kupasan yang lebih praktikal dan efektif.

1.4 Kepentingan Kajian

Laporan kajian ini dilakukan berdasarkan kepada kepentingan-kepentingan berikut:

- Sebagai hujah bagi golongan yang mempersendakan al-Quran

Terdapat golongan yang hanya mengkaji al-Quran secara teori iaitu dengan memegang kepada konsep bahasa dan susunan ayatnya sahaja tanpa meninjau maksud ayat sebaliknya. Golongan seperti ini boleh menolak al-Quran sebagai hujah kuat dalam menegakkan agama Allah hanya kerana kekeliruan mereka dalam memahami semantik ayat al-Quran. Sebenarnya apa yang didatangkan Allah Taala dalam kalam-Nya mempunyai hikmah tersendiri yang kadang kala tidak dapat dipertikai oleh akal fikiran manusia. Jadi laporan penyelidikan ini cuba

memberi ruang untuk golongan seperti ini berfikir tentang hikmah atau alasan ayat-ayat diturunkan sedemikian.

- Membanyakkan koleksi rujukan dan bahan penyelidikan para pengkaji dan pencinta ilmu

Kajian seperti ini masih lagi kekurangan dalam simpanan bahan-bahan rujukan terutamanya dalam bahasa ibunda kita. Jadi untuk memenuhi keperluan yang tidak terbatas ini, telah mendesak penulis untuk cuba menerokai penyelidikan dalam bidang ini. Oleh itu, semoga laporan penyelidikan ini dapat membantu sedikit sebanyak sebagai bahan rujukan dan bacaan para pengkaji seterusnya.

1.5 Batasan Kajian

Laporan penyelidikan ini membincangkan persoalan semantik kata kerja māḍī dan muḍāri' dalam surah Āl-ʿImrān. Pemilihan surah ini dibuat berdasarkan faktor-faktor berikut:

- Surah ini merupakan surah yang tidak terlalu pendek dan sederhana panjang berbanding surah al-Baqarah yang amat panjang. Menurut perkiraan penulis, surah ini sesuai bagi calon sarjana secara berkursus sebagai laporan penyelidikan yang hanya merupakan pra syarat lulus universiti.
- Surah ini juga menarik perhatian penulis dengan kisah-kisah yang terdapat di dalamnya. Ini termasuklah kisah-kisah yang mengkisarkan keluarga Imrān, Maryam dan al-Masīḥ Isa a.s, kisah-kisah perang Badr dan Uḥud, iaitu perang

yang paling masyhur dalam Islam pada zaman Rasulullah s.a.w serta pelbagai pengajaran yang dapat dikoreksi daripadanya.

- Melihat maksud tersirat yang melibatkan kata kerja māḍi dan muḍāri' sahaja.

Bahan rujukan utama dalam proses laporan penyelidikan ini adalah al-Quran al-Karim yang mempunyai kaitan langsung dengan kata kerja ini. Penulis tidak membincangkan semua kata kerja māḍi dan muḍāri' dalam surah ini, sebaliknya hanya menyentuh kata kerja yang mempunyai perubahan maksud, iaitu kata kerja māḍi yang membawa maksud muḍāri' dan kata kerja muḍāri' yang membawa maksud māḍi.

Sebanyak sepuluh ayat yang dibahaskan berkaitan dengan semantik ayat dan penulis mengkaji dan mendalami maksud yang tersirat serta alasan-alasan yang berkaitan. Dalam ayat-ayat ini terdapat juga alasan yang sama dengan uslub ayat yang berlainan. Ini bererti terdapat lebih daripada satu ayat yang memberi alasan yang sama atau hampir sama kenapa ayat tersebut diturunkan sedemikian. Ini semua adalah hikmah daripada Allah Taala kepada hamba-Nya agar mengkaji seterusnya meneliti segala kebesaran-Nya.

Bahan rujukan penting lain adalah kitab-kitab tafsir yang muktabar seperti tafsir karangan al-Fakhr al-Rāziy, tafsir al-Kasysyāf, tafsir al-Manār karangan Muhammad Rasyid Redha, tafsir al-Quran al-Azīm karangan ibn al-Athīr dan juga kitab nahu seperti al-Nahwu al-Wāfi karangan Abbās Hassān.

1.6 Metologi Kajian

Kaedah di dalam laporan penyelidikan ini lebih tertumpu kepada kajian perpustakaan secara mengumpul maklumat dan menganalisis data. Ia memerlukan bahan-bahan rujukan perpustakaan seperti kitab-kitab tafsir dan nahu, kamus-kamus Arab dan al-Quran itu sendiri sebagai rujukan utama.

Laporan ini hanya untuk memenuhi syarat lulus bagi calon ijazah sarjana secara berkursus di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Justeru itu, penulis tidak membincangkan secara mendalam perkaitan tentang sesetengah perkara, contohnya makna-makna dalam pola kata kerja māḍi mazīd serta pola kata kerja muḍāri' mazīd kerana perkara ini lebih serius diperdebatkan di dalam ilmu tasrif bahasa Arab.

Penulisan ayat al-Quran berdasarkan Rasm Uthmāni dan teks terjemahan berpandukan kepada 'Tafsir Pimpinan al-Rahmān Kepada Pengertian al-Quran'.

Berhubung dengan istilah, penulis lebih tertarik menggunakan istilah asal bahasa Arab kerana ia lebih memberi ketepatan maksud dan keaslian maknanya. Walau bagaimanapun terdapat juga istilah-istilah yang diterjemahkan seperti kata kerja kala lepas bagi kata kerja māḍi dan kata kerja kala kini bagi kata kerja muḍāri'. Kata kerja tersebut dipersembahkan mengikut urutan ayat dan dibahaskan alasan-alasan penggunaannya secara terperinci.

1.7 Rangka Kajian

Penulisan laporan penyelidikan ini dibahagikan kepada lima bab yang kecil.

Bab pertama merupakan pengenalan kepada laporan penyelidikan ini. Perkara-perkara yang disentuh dalam bab ini ialah pendahuluan, pernyataan masalah, tinjauan kajian berkaitan, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan metodologi kajian yang digunakan dalam menyediakan laporan penyelidikan ini.

Dalam bab yang kedua, penulis menyentuh tentang konsep asas kata kerja dan definisi kata kerja māḍī serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ini termasuklah tanda-tanda untuk mengenali kata kerja tersebut adalah kata kerja māḍī. Bab ini juga membicarakan tentang kala lain bagi kata kerja māḍī.

Perbincangan juga menjurus kepada pembentukan kata kerja māḍī dan juga cara bacaannya yang telah dinukilkan oleh ulama-ulama bahasa terdahulu. Turut dibahaskan juga tentang huruf-huruf tambahan yang boleh ditambah dalam kata kerja māḍī yang asal yang dinamakan kata kerja māḍī Mazīd.

Penulis juga menyentuh tentang keadaan huruf akhir kata kerja māḍī yang pada asalnya adalah mabni iaitu berbaris di atas atau fathah, tetapi boleh berubah apabila bersambung dengan huruf-huruf tertentu seperti Wāw al-Jamā'at dan sebagainya.

Manakala dalam bab ketiga, penulis menghuraikan persoalan seperti mana dalam bab kedua tetapi ia melibatkan kata kerja muḍāri'. Tumpuan diberikan juga kepada

definisi kata kerja muḍāri' dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti tanda-tanda mengenali serta tujuan digunakan tidak mengikut makna asal muḍāri'.

Penulis juga memaparkan tentang penambahan huruf yang juga boleh berlaku pada kata kerja muḍāri' seperti mana dalam kata kerja māḍi, cuma perbezaannya ialah terdapat huruf Mudāra'at di depan kata serta baris bacaannya turut berubah.

Selain itu, disebut juga keadaan-keadaan bagi kata kerja muḍāri' yang pada asalnya dibaca dengan baris dhammah. Kata kerja ini pada asalnya adalah Mu'rab iaitu tidak tetap bacaannya dan boleh menerima perubahan apabila disertai partikel-partikel tertentu.

Penulis juga membincangkan dalam bab ini keadaan huruf sebelum akhir bagi kata kerja muḍāri'. Keadaannya turut berubah mengikut bentuk kata kerja tersebut, iaitu kata kerja yang bermula dengan huruf tambahan Tā' dan kata kerja yang bermula dengan selain daripada huruf tambahan Tā'.

Bab keempat pula membicarakan tentang analisis semantik bagi penggunaan kata kerja māḍi dan muḍāri' dalam ayat al-Quran dan penulis membentangkan sepuluh contoh ayat dalam surah Āl-ʿImrān. Bab ini membincangkan penggunaan kata kerja māḍi yang membawa maksud muḍāri' dan begitu juga sebaliknya iaitu penggunaan kata kerja muḍāri' yang membawa maksud māḍi. Perbincangan tertumpu kepada semantik ayat dan maksud ayat yang tersembunyi serta sebab-sebab penurunan ayat menjadi analisis utama untuk mendatangkan tujuan tersebut digunakan.

Akhirnya dalam bab kelima, yang merupakan penutup ialah kesimpulan serta cadangan dan saranan kepada para pengkaji seterusnya untuk membuat kesinambungan tentang semantik ayat al-Quran agar kehebatan al-Quran lebih terserlah sebagai pendukung utama kehidupan manusia sejagat.